



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 32 RABU 8HB. OGOS, 1973

1393 رابو 9 رجب

PERCHUMA

GURU2 UGAMA DI-SERU MEMPELAJARI BACHAAN QURAN LEBEH MENDALAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin telah menyeru kepada semua guru2 ugama di-negeri ini supaya mempelajari bacaan Al-Quran lebeh cekap dan mendalam dengan harapan pengajaran mereka akan dapat di-terima oleh murid2 dengan baik dan berminat.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama berkata demikian semasa merasmikan Kursus Ulang Kaji Pembacaan Al-Quran kepada 90 orang guru2 terlatih ugama di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan minggu lalu.

Yang Berhormat itu menegaskan kursus tersebut memberikan latihan supaya guru2 lebeh mahir dalam pembacaan Al-Quran sa-hingga mencapai taraf kelancaran sesuai dengan kedudukan mereka sa-bagai guru2 ugama.

Kata-nya, dalam masa kursus di-jalankan guru2 bukan saja mendengar sharahan2 bahkan mereka di-beri galakan untuk sama2 membincangkan pengajaran pembacaan Al-Quran berdasarkan pendapat dan pengalaman2 mereka di-bilik2 darjah dan di-kelas2 dewasa ugama.

Yang Berhormat itu juga menekankan, pengajaran pembacaan Al-Quran tidak-lah sama seperti pelajaran2 lain seperti hisab, sains dan mata2 pelajaran lain, bahkan pengajaran pembacaan Al-Quran berkehendakan kemahiran, fasih dan lancar dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan-nya.

Terdahulu sa-belum itu, Penguasa Pelajaran Ugama, Awang Yahya bin Haji Ibrahim yang juga selaku pengurus kursus tersebut telah menguchapkan terima kasih atas kehadiran guru2 di-kursus itu walaupun dalam masa chuti yang sa-patut-nya mereka berehat.

Kata-nya, pengajaran pembacaan Al-Quran sa-bagai satu mata pelajaran yang penting di-sekolah2 ugama dan ada-lah perlu ia-nya di-beri perhatian yang berat.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain beruchap sa-belum merasmikan kursus tersebut — Gambar JHEU/BP.

150 akan hadir dalam Seminar Belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin akan merasmikan Seminar Belia Dalam Pembangunan Negara pada 18hb. Ogos, 1973 di-Pusat Belia jam 9.30 pagi.

Seminar yang akan berlangsung sa-lama dua hari itu adalah bertujuan untuk memikirkan dan membincangkan peranan belia/beliawanis dalam Rancangan Kemajuan Negara yang baru.

Sa-takat ini jawatankuasa seminar telah menerima pendaftaran sa-ramai 150 orang peserta dan pemerhati untuk menyertai seminar itu.

Sa-orang juruchapak seminar menyatakan bahawa jawatankuasa seminar maseh mengalu2kan para belia dan persatuan2 untuk menyertai seminar itu.

(Lihat muka 8)

36 orang guru hadhiri kursus Hisab Moden

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 36 orang guru dari Sekolah2 Menengah Melayu, Inggeris dan Misi seluruh negeri menghadiri kursus pengajaran hisab moden di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara.

Kursus yang di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran itu telah di-rasmikan pembukaannya oleh Pemangku Pengarah Dato A.D. Bumford.

Dalam ucapan-nya, Dato Bumford mengharapkan kepada guru2 yang mengikuti kursus itu supaya belajar dengan tekun dan bersungguh2 untuk di-ajarkan bales kepada murid2 mereka di-sekolah2.

Beliau juga menguchapkan terima kasih kepada tiga orang pakar ilmu hisab dari Scotland yang membantu dan memperkenalkan Hisab Moden dalam kursus itu.

Dato Bumford berharap ketiga2 orang pakar ilmu hisab dari Scotland itu akan berasa senang dan gembira sa-lama mereka berada di-Brunei.

Pakar2 dari Scotland itu ia-lah Dr. Nasbat sa-bagai ketua, Awang Peterson dan Awang White, yang tiba di-Brunei baru2 ini atas anjoran British Council.

Ketiga2 mereka akan memberikan kursus tersebut sa-hingga 16hb. Ogos ini.

GAMBAR bawah menunjukkan Pemerintah Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, Col. Dato Seri Pahlawan B.F.L. Rooney menyaksikan pasokan kadet yang terdiri dari penuntut2 sekolah2 menengah menjalankan latihan di-Ulu Suga Daerah Belait pada hari Sabtu lepas.

Col. Dato Seri Pahlawan Rooney telah di-iringi oleh Major Dato Pengiran Ibnu dan Major Dato Setia Mohammad bin Haji Daud.

Latihan itu telah berakhir pada hari Isnin lepas.





Pesta Amal untuk mengutip derma mangsa2 kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengerusi Lembaga Pembinaan Rumah dan Bantuan Mangsa2, Kebakaran Kampung Setia Pahlawan, Awang Haji Abdul Aziz bin Juned telah menerima sa-jumlah \$1,086.50 dari enam penderma yang berasingan untuk mangsa2 kebakaran itu.

Derma sa-banyak \$824.50 di-terima dari Pengurus Panggong Borneo, Awang Lim Chong Kee; sa-banyak \$81.00 dari Jabatan Pelajaran; \$74.00 dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Lain2 penderma, \$44.00 dari anak buah Kampong Madewa; Jabatan Perikanan \$39.00 dan Jabatan Peranchang Bandar dan Negara menderma sa-banyak \$24.00

Awang Haji Abdul Aziz

ketika menerima sumbangan itu telah mengucapkan terima kasih kepada penderma2 yang berkenaan itu dan mengharapkan akan banyak lagi penderma2 di-negeri ini menyumbangkan apa jua jenis derma bagi membantu penderitaan mangsa2 kebakaran itu.

Pihak-nya akan bersedia menerima sumbangan derma dari orang ramai hingga 30hb. September akan datang.

Derma yang di-kutip oleh badan itu sa-takat ini telah meningkat hampir \$2,000.00 dan derma2 itu akan di-serahkan ka-Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sementara itu Lembaga tersebut akan mengadakan Pesta Amal pada 14hb. September di-Panggong Boon Pang Bahru mulai pukul 2.00 petang, dan Pusat Belia pada pukul 7.30 malam.

Kemunchak dari acara persembahan dalam Pesta Amal itu ia-lah peraduan nyanyian terbuka kepada lelaki dan perempuan di-seluruh negeri ini.

Borang2 peraduan boleh di-dapati dari Setia Usaha pesta itu Awangku Mohamad bin Pengiran Sarpudin di-Pejabat Perubatan Bahagian Pendaftaran Beranak dan Mati Bandar Seri Begawan.

Borang2 itu boleh juga diperolehi dari pengerusi Pesta Amal, Awang Mohamed Yassin bin Said, Jabatan Kebajikan Masyarakat; Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Chuchu, Pusat Belia; Pengiran Metarshad bin Pengiran Metassan, Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Masri bin Haji Idris di-alamat Kampong Saba Darat, Kampong Ayer.

Borang2 tersebut hendaklah di-kembalikan tidak lewat pada 6hb. September jam 4.00 petang.

GAMBAR atas menunjukkan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Ag. Hj. Md. Jamil Al-Sufri, selaku Setia Usaha Agong Tertinggi J/K Tabong Pembinaan Stadium menerima cek yang bernilai \$7,610.35 dari Pengetua Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkiah, Awang P.D. Parasas untuk tabong pembinaan stadium. Penyampaian cek itu telah di-adakan di-maktab itu pada minggu lalu.

Wang tersebut ada-lah hasil usaha projek temasha berjalan kaki (Walkathon) yang di-adakan oleh penuntut2 maktab tersebut pada 27hb. Julai yang lalu, kerana tujuan mengutip derma Tabong Pembinaan Stadium.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja ketika menerima derma itu telah mengucapkan terima kasih dan memberikan satinggi2 penghargaan, serta memuji semangat pensharah2 dan penuntut2 di-maktab perguruan itu yang telah bersungguh2 menjalankan usaha untuk menjun-jong titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan bagi menjayakan pembinaan stadium yang di-ranchangkan itu.

Beliau menegaskan, jika di-pandang sa-pintas lalu di-kalangan penuntut2 itu, tidak-lah ada sumber2 yang boleh menampakkan wang derma mereka itu, kerana mereka belum lagi mempunyai pekerjaan, bagaimana pun kerana mereka itu mempunyai ilmu pengetahuan, maka dari ilmu pengetahuan yang berguna itu, telah terlihat usaha dan ikhtiar untuk menjayakan sesuatu maksud yang mereka ranchangkan.

Yang Berhormat itu juga mengharapkan semangat yang senentiasa berkemahuan untuk menjun-jong titah itu akan subur di-kalangan rakyat dan penduduk negeri ini, terutama-nya di-kalangan penuntut2.

Pertunjukan pertanian dalam bulan September

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian Brunei akan mengadakan pertunjukan pertanian Daerah Brunei-Muara, sempena merai'kan hari puja usia kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Pertunjukan pertanian itu akan di-adakan pada 23hb. September di-kawasan steshen pertanian Kilanas dan terbuka kepada orang ramai khas-nya kaum peladang dan ahli2 tani di-Daerah Brunei-Muara.

Mereka yang ingin mengambil bahagian untuk memamerkan hasil pertanian dan perusahaan mereka di-pelawa supaya bersedia dari sekarang.

Hasil pertanian dan perusahaan yang akan di-pertunjokan itu ia-lah padi; beras; jagong; dan anjalai; berjenis2 buah2an tempatan; sayuran2 jenis daun, buah dan berubi; berjenis2 ubi2an dan ternakan, lembu, kerbau, kambing, angsa, patu, itek dan ayam.

Pertunjukan itu tidak termasuk perusahaan2 perak; tembaga; besi; kayu ukiran; lukisan; anyaman; sulaman dan masak2an.

Pertunjukan yang sama juga akan di-adakan di-Daerah Belait pada 16hb. September di-padang kecil Kuala Belait.

JABATAN Pertanian baru2 ini telah menunjukkan chara menanam jagong kepada ahli2 Persatuan Peladang Kampong Tanah Jambu, Jalan Muara.

Untuk tujuan itu, kira2 60 orang ahli dari persatuan itu telah 'memuchang2' untuk membuat batas untuk menanam jagong itu.

Gambar kanan menunjukkan sabahagian dari ahli2 persatuan itu yang telah bekerja membuat batas.

Pertunjukan itu terbuka kepada penduduk2 khas-nya kaum2 peladang di-daerah itu.

Kelas menaip di-S.M.P.U.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelas Dewasa Menaip Peringkat Menengah dan Tertinggi bagi penggal ketiga yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa, akan di-mulakan esok, 9hb. Ogos bertempat di-Sekolah M e l a y u Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan.

Mereka yang ingin mengikuti kelas tersebut hendaklah mendaftarkan nama2 mereka kepada Awang Abdul Halim Jamal pada pukul 5.00 petang esok, 9hb. Ogos di-sekolah tersebut.



MENUNTUT ILMU WAJIB ATAS TIAP2 ORANG ISLAM

KETAHUI-LAH bahawa hakikat ta'at dan ibadat itu ia-lah menurut perintah Allah Subhanahu-Wataala dan meninggalkan larangan-nya, maka sekira-nya seseorang itu melakukan perbuatan yang tidak di-suroh oleh Tuhan maka tiada-lah perbuatan-nya itu menjadi ibadat, bahkan harus akan menjadi suatu maksiat sekali pun perbuatan itu puasa atau sembahyang. Bukanlah apabila sa-sorang itu puasa pada hari raya dan hari raya haji serta hari2 tashrik akan menjadi-lah ia sa-orang yang telah melakukan maksiat? Walau pun amalan itu berupa ibadat, kerana tiada di-suroh Tuhan. Demikian juga siapa2 yang sembahyang pada waktu2 yang mukroh mengerjakan sembahyang atau di-tempat2 yang dirampas maka akan berdosa-lah dia. Kerana itu ada-lah menjadi kewajiban kita menuntut ilmu dan beramal dengan-nya menurut hukum shari'at Islam yang sebenarnya supaya segala perbuatan dan amalan kita bersesuaian dengan kehendak2 ajaran2 Islam dan dapat di-terima oleh Allah Subhanahu-Wataala.

Telah bersabda Rasulullah yang bermaksud:

"Pekerjaan itu tiga jenis, pertama — pekerjaan yang nyata betul-nya maka turut-lah dia; kedua — pekerjaan yang nyata salah-nya maka jauhan diri daripada-nya dan ketiga — pekerjaan yang ada perselisihan pada-nya maka serahkan-lah ia kepada Allah azza wajalla".

PERLU MENUNTUT

Hadith yang kita sebutkan itu terang2 menyuruh kita menuruti dan mengikuti jalan2 yang betul dalam semua pekerjaan, menyuruh kita menjauhan diri dari melalui jalan2 yang salah dan menyuruh kita supaya menyerahkan perkara2 yang ada perselisihan pendapat di-dalam-nya kepada Allah azza wajalla. Untuk mengetahui jalan2 yang betul dan salah kita perlukan ilmu dan untuk mendapatkan ilmu kita perlu menuntut dan belajar sedangkan menuntut ilmu itu ada-lah wajib atas tiap2 orang Islam khas-nya bagi memastikan segala amal dan pekerjaan kita tidak dalam keadaan meraba2 dan membuta tuli.

Bersungguh2-lah kita pada menambahkan amal yang sahih supaya dapat berdamping terus dengan Tuhan seru sekalian alam, bersungguh2-lah kita menuntut ilmu yang berguna dengan jalan mudzakarah, membacha dan belajar, maka sa-sungguh2-nya menuntut ilmu kerana Allah berarti takut kepada Tuhan, me-

KHUTBAH JUMA'AT

nuntut-nya menjadi ibadat, mudzakarah dengan-nya menjadi tasbihi, menhari-nya menjadi jihad, mengajar-nya menjadi sedekah dan menaborkan-nya kepada kaum kerabat ada-lah merupakan perdampungan diri kepada Allah. Ketahuilah bahawa ilmu itu ialah kawan dalam masa rindu, sahabat dalam masa berdagang, rakan dalam masa ke-seorangan, penunjuk atas perkara2 yang menyukakan dan menduka-chitakan dan perhiasan kepada sahabat handai. Berfikir dengan ilmu menyemai pahala puasa, tadarus dengan menyamai pahala sembahyang dan kehadiran di-majlis2 ilmu mendapatkan pahala yang besar. Sa-bagaimana sabda Nabi Allah alai-wassalam yang bermaksud:

"Hadir di-dalam majlis ilmu lebih abdzal daripada sembahyang sunat seribu rak'at, melawat seribu orang sakit dan menziarahi seribu jenazah".

Demikian-lah kelebihan2 pada menuntut, mempelajari, beramal, mudzakarah, mengerjakan dan menghadiri majlis2 ilmu di-sisi ugama kita.

AJARAN2 UGAMA

Oleh yang demikian marilah kita menambahkan ilmu yang ada pada diri kita khas-nya bagi mengetahui silok-bilok ajaran2 Ugama kita supaya dengan-nya dapat-lah kita melakukan ilmu ibadat dengan chara yang betul dan yakin, dan dapat-lah kita berpandu dengan-nya dalam sa-tiap perbuatan kita dzahir dan bathin. Mudah2an dengan demikian akan berlipat ganda-lah pahala amalan kita yang akan dapat menyelamatkan kita daripada azab api neraka.



PERADUAN Membacha Quran dan Sharahan Ugama bagi Sekolah2 Ugama di-seluruh negeri telah di-adakan di-Maktab Anthony Abell Seria pada hari Ahad 29hb. Julai yang lalu.

Peraduan itu telah di-rasmikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain.

Sa-ramai 24 orang peserta — termasuk 12 orang perumpuan yang mewakili Daerah2 Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong telah mengambil bahagian dalam peraduan2 itu.

Peraduan itu ada-lah projek tahunan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan ia-nya juga adakan sa-bagai sa-bahagian dari acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar.

Gambar atas menunjokkan sa-bahagian dari hadirin yang menyaksikan peraduan tersebut. Kelihatan dalam gambar itu juga ia-lah Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain (duduk di-barisan depan no. 5 dan 4 dari kanan).

Gambar pemenang2 dalam peraduan itu di-siarkan di-muka 6. — Gambar JHEU/BP.

Peraduan2 utk memilih wakil membacha Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan membacha Al-Quran peringkat kawasan Brunei Satu akan di-adakan pada hari Jumaat 17hb. Ogos mulai jam 8.30 pagi bertempat di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Peserta2 yang ingin menyertai peraduan tersebut hendak-lah mendapat dapatan borang2 permohonan daripada Awangku Omar Pengiran Besar, Setia Usaha Peraduan atau daripada Awang Sharbini bin Pehin Khatib Haji Juned di-Kampung Pelambayan atau daripada Awg. Khamis bin Tarsad, Kampung Kasat Brunei.

Borang2 tersebut hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Peraduan Membacha Al-Quran Peringkat Kawasan Brunei Satu tidak lewat dari 15hb. Ogos, jam 4.00 petang.

Sementara itu, pertandingan membacha Al-Quran peringkat dewasa Kawasan Brunei (Lihat muka 7)

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 8hb. Ogos, 1973 hingga ka-hari Selasa 14hb. Ogos, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
8hb. Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16	
9hb. Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16	
10hb. Ogos	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16	
11hb. Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	
12hb. Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	
13hb. Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	
14hb. Ogos	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(8hb. Ogos, 1973)

PELAJARAN

DALAM ranchana ini khusus meninjau serba sedikit tentang kursus pelajaran bahasa Inggeris bagi guru2 yang mengajar di-sekolah2 rendah Melayu yang juga melibatkan sa-chara tidak langsung bagi guru2 yang mengajar di-darjah2 persediaan Inggeris seluruh negeri.

Kursus yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran sa-tahun yang lalu sa-takat ini telah memberi kursus lebih dua ratus orang guru mengajar di-sekolah2 dalam bandar dan luar bandar khusus-nya Daerah2 pendalaman.

Kursus tersebut memakan masa hanya dua minggu yang bertujuan memberi latihan asas dan kaedah baru kepada guru2 mengenai chara2 menyalorkan pelajaran bahasa Inggeris kepada murid2 di-darjah2 permulaan rendah.

Apa yang di-fahamkan sa-jauh ini bahawa pengajaran kaedah baru pelajaran bahasa Inggeris ini memberi kesan yang baik untuk penerimaan murid2 kerana ia-nya senang di-fahami menurut alam pemikiran mereka.

Tentu-lah tidak dapat di-nafikan bahawa hampir kesemua guru2 yang menerima kursus tersebut telah menunjukkan kebijaksanaan dan daya-usaha mereka mengajar murid2 dengan berbagai chara berdasar-kan saikologi menyebabkan pelajaran2 itu terasa senang di-terima dan mudah di-fahami dengan perasaan riang gembira yang boleh menimbulkan satu dorongan yang kuat lagi berkesan.

Kita percaya pada dasarnya jika sa-suatu pelajaran itu tidak dapat di-salurkan dengan baik ia-nya juga tidak dapat di-terima dengan baik. Tetapi jika ia dapat di-salurkan dengan senang yang penuh tanggung jawab dan bijaksana yang boleh menimbulkan semangat belajar, maka dengan sendiri-nya perasaan bosan dan malas sa-kurang2-nya akan dapat terhindar dan matlamat yang di-chita2kan mungkin mendapat kejayaan sempurna.

Dengan sebab itu apa yang mustahak ia-lah pelajaran asas perlu di-tekan kerana pelajaran asas itu merupakan anak tangga pertama yang menentukan untuk bertolak dan melangkah ka-anak tangga sa-terus-nya yang lebih tinggi.

Andai-nya anak tangga pertama itu tidak dapat di-pijak dan tidak dapat di-lalui dengan sempurna mungkin kalau tidak berhati2 dan waspada mereka akan tersangkut ka-anak tangga yang lain-nya pula.

Tegas-nya anak tangga pertama merupakan pelajaran rendah bagi murid2 yang mempunyai alam pemikiran agak terbatas dan di-sini-lah juga punga utama mengasah bakat mereka.

Para guru tentu-lah berminat penuh supaya murid2 mereka sentiasa maju dalam semua pelajaran yang di-ajarkan, tetapi murid2 saja tidak mengetahui perasaan guru.



Pengarah Muzik Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei, Kapitan B.M. Thomas, ARCM. Beliau menjadi Pengarah Muzik pasukan itu sejak bulan April tahun ini.

Kumpulan Pop pancharagam AMDB di-bawah pimpinan Sgt. Manaf Khamis.

Pancharagam AMDB ketika mengadakan rakaman di-studio Radio Brunei. Kelihatan Pengarah Muzik, Kapitan B.M. Thomas, ARCM sedang mengarahkan pancharagam itu.



Bandsman Abu bin Mansor, pemain Trombone dalam pasukan pancharagam AMDB kelihatan memakai "ceremonial dress".

PANCHARAGAM ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

(BAHAGIAN PERTAMA)

— Di-susun oleh ALIDIN OTHMAN

SALAIN dari Pancharagam Pulis Diraja Brunei terdapat sa-buah lagi pancharagam tentera, di-negeri kita ini ia-itu Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei. Seperti juga dengan Pancharagam Pulis Diraja Brunei, Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei menggunakan alat2 muzik yang sama. Walaupun "usia-nya" masih muda akan tetapi pancharagam ini telah menunjukkan kebolehan bermain muzik dan berbaris di-khalayak ramai bukan sahaja di-negeri ini malah juga di-luar negeri.

Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei telah di-tubuhkan pada tahun 1963 dengan anggota2-nya sa-ramai 21 orang yang di-pilih dari pelat2 muda yang mula mempelajari not dan chara2 bermain alat2 muzik di-Port Dickson di-bawah kelolaan sa-orang pelat2 Melayu, Staff Sergeant Zainal.

Apabila pasukan ini kembali ka-tanah ayer dan di-tempatkan di-Perkhemahan Berakas, Warrant

Officer II Pawson dari Tentera British telah di-lantik menjadi Bandmaster. Dalam tahun 1965, pula Kapitan R. Greening, SLJ telah di-lantik menjadi Pengarah Muzik bagi pancharagam ini. Selama tiga tahun beliau telah melat2 dan menubuhkan pancharagam ini sa-bagai sa-bagian dari Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei. Dalam bulan Ogos 1968, Kapitan Greening telah di-gantikan oleh Kapitan F. Morgan, SNB, SLJ, ARCM sa-hingga beliau di-gantikan oleh Kapitan B.M. Thomas, ARCM yang di-lantik menjadi Pengarah Muzik dalam bulan April 1973.

Pada masa ini, Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei di-anggotai oleh 58 orang termasuk orang Pengarah Muzik Bilangan 40 orang sejak tahun lalu. Sa-bagai sa-buah pancharagam tentera, pancharagam ini menggunakan berbagai jenis alat2 muzik termasuk Flute, Piccolo, Clarinet, Saxophone, Horn, Cornet, Trombone, Euphonium, Bass dan satu

bahagian "percussion" yang lengkap seperti Timpani, Bass Drum, Side Drum, Glockenspiel dan lain2 kesan bunyi.

Tugas2 pancharagam ini ia-lah untuk memberikan perkhidmatan muzik yang lengkap kepada pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dan kepada kerabat Diraja bila2 di-kenendakki. Ia juga memberikan bantuan kepada pertubuhan2 awam seperti sekolah2, maktab2 dan pertunjukan amal. Dengan chara ini akan dapat merapatkan lagi hubungan baik dan mesra di-antara pehak tentera dan orang awam. Untuk memberikan perkhidmatan yang lebih meluas pancharagam ini juga mempunyai sa-buah "Dance Band" mengandungi 12 orang dan satu kumpulan POP mengandungi 4 hingga 6 orang pemain dan penyanyi. Anggota2 pancharagam ini juga sekali sa-kala di-tugaskan sa-bagai pengawal2 sa-lain daripada tugas2 muzik.

Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei pernah menunjukkan permainan di-luar negeri. Dalam tahun 1970, pancharagam ini telah bermain di-Royal Tournament di-London, Colchester Tattoo dan di-Pesta Tattoo Edinburgh yang terkenal. Ini di-ikuti pula dalam bulan Februari 1971 dengan satu persembahan di-Sydney Easter Show, Australia, bersama2 dengan pancharagam Pulis Diraja Brunei. Dalam bulan Nobember yang akan datang ini pula, pancharagam ini di-jangka akan mengambil bahagian dalam Hong Kong Festival.

— BERSAMBONG —



Kedua2 gambar di-atas menunjukkan Drum Major Sgt. Awang Hussin Abd. Razak membetulkan barisan dengan menggunakan chokmar-nya.

Pancharagam AMDB sedang berjalan chepat sambil memainkan lagu 'CONGRATULATIONS'.



Tiap2 anggota pancharagam ada-lah bertanggung-jawab ka-atas alat2 muzik yang mereka gunakan. Alat2 itu mesti-lah di-jaga dan kelihatan bersekh selalu. Kelihatan dalam gambar atas Bandsman Md. Said Edin (kanan) membersekh saxophone-nya manakala Bandsman Mohiddin Mohd. Yassin dengan clarinet-nya.

Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei sedang berjalan perlahan2 sambil memainkan lagi 'LENCHANA DIRAJA' yang di-susun oleh Kapitan F. Morgan.

Peraduan membacha Quran dan sharahan: Belait di-pileh sa-bagai daerah terbaik



Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar menyampaikan piala kejohanan kepada Dayang Siti Arbi bte. Libut (Daerah Tutong) yang menjadi johan membacha Quran kumpulan 'B'.

GAMBAR2 JHEU/BP

Rentas desa: Rumah Berambang jadi johan

BANDAR SERI BEGAWAN. Sa-ramai 206 orang penuntut lelaki dan perempuan dari Sekolah Menengah Melayu SMJA telah mengambil bahagian dalam perlumbaan rentas desa yang di-adakan pada minggu lalu.

Perlumbaan tersebut yang di-adakan buat pertama kalinya, ada-lah salah satu projek tahunan badan sukan dan olah raga sekolah tersebut.

Mohiddin bin Alim telah mendapat tempat pertama dalam bahagian lelaki; kedua, Shamsuddin bin Pandin dan Asmad bin Jaafar pemenang ketiga.

Dalam bahagian perempuan, pertama, Rosni binte Zaidah, kedua Saadiyah binte Mahmud dan ketiga, Siti Hawa binte Ahmad.

Johan Champoran rumah2 di-menangi oleh Rumah Berambang di-ikuti oleh Rumah Kota Batu dan Rumah Jong Batu.

Sementara itu hadiah2 kejohanan bola tampar juga telah di-sampaikan pada masa majlis penyampaian hadiah2 kepada peserta2 yang mengambil bahagian dalam perlumbaan rentas desa itu.

Pemenang2 dalam keiohanan bola tampar ia-lah, bahagian guru2 pertama ia-lah Berambang dan bahagian lelaki juga di-menangi oleh Berambang sementara bahagian penuntut perempuan juga telah di-menangi oleh rumah Berambang.



Awang Jumaat bin Jaluddin (Daerah Tutong), johan membacha Quran kumpulan 'A'.



Johan membacha Quran kumpulan 'A', Dk. Fatimah bte Pengiran Damit wakil Daerah Belait ketika membacha ayat2 suchi Al-Quran.

SERIA. — Awang Jumaat bin Jaludin, peserta dari Daerah Tutong dan Dk. Fatimah bte. Pengiran Damit dari Daerah Belait masing2 telah menjadi johan dalam peraduan membacha Quran kumpulan 'A' antara Sekolah2 Ugama Seluruh Negeri.

Awang Ahmad bin Su, peserta dari Daerah Belait dan Awang Mahmud bin Haji Saidin, peserta dari Daerah Brunei-Muara masing2 mendapat tempat kedua dan ketiga dalam kumpulan itu.

Sementara pemenang kedua dalam bahagian perempuan ia-lah Dayang Mariah binte Jaafar, peserta dari Daerah Tutong dan Dayang Maisalamah binte Ahmad peserta dari Daerah Temburong mendapat tempat ketiga.

Tempat pertama dalam peraduan membacha Quran kumpulan 'B' bahagian lelaki di-menangi oleh Awg. Abdul Rashid bin Abdul Rahman, peserta dari Daerah Brunei-Muara, kedua — Awang Hamzah bin Abdullah, peserta dari Daerah Belait dan pemenang ketiga ia-lah Awang Zaini bin Lahid peserta dari Daerah Tutong.

Dayang Siti Arbi binte Libut, peserta dari Daerah Tutong mendapat tempat pertama dalam peraduan membacha Quran kumpulan 'B' bahagian perempuan, tempat kedua di-menangi oleh Dayang Faridah binte Mos, peserta dari Daerah Belait dan pemenang ketiga ia-lah Dayang Sarimah bte. Ahmad peserta dari Daerah Temburong.

Dalam peraduan sharahan ugama bahagian lelaki di-menangi oleh Awang Badaruddin bin Metali, peserta dari Daerah Brunei-Muara; pemenang kedua, Awang Idris bin Abdul Ghafar, peserta dari Daerah Tutong dan pemenang ketiga ia-lah Awang Ibrahim bin Hakim, peserta dari Daerah Temburong.

Manakala peraduan sharahan ugama bahagian perempuan di-menangi oleh Dy. Halimah bte. Badul, peserta dari Daerah Belait; pemenang kedua, Dayang Rashidah binte Tengah, peserta dari Daerah Brunei-Muara dan pemenang ketiga ia-lah Dayang Zaiton binte Marzuki peserta dari Daerah Tutong.

Hadiah bagi daerah yang ter-



Awang Badaruddin bin Metali (Daerah Brunei-Muara) memenangi tempat pertama dalam peraduan sharahan ugama.



Dayang Halimah binte Badul, wakil dari Daerah Belait yang memenangi tempat pertama dalam peraduan sharahan bahagian perempuan.

baik dalam peraduan membacha Quran dan Sharahan di-menangi oleh Daerah Belait.

Daerah Belait juga memenangi hadiah terbaik dalam bahagian membacha Quran manakala Brunei-Muara memenangi hadiah terbaik dalam bahagian Sharahan Ugama.

Peraduan membacha Quran dan Sharahan itu di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dan telah di-adakan di-Maktab Anthony Abell Seria pada hari Ahad minggu lalu.

Dalam peraduan itu, sa-ramai 24 orang peserta yang mewakili semua daerah di-negeri ini telah mengambil bahagian.

Peraduan itu telah di-rasmikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain manakala hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Mukim Muara jadi johan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mukim Muara telah berjaya mengalahkan mukim Berakas dengan dua gol tidak berbalas dalam perlawanan akhir bola sepak antara mukim di-Daerah Brunei-Muara yang telah berlangsung di-Padang Besar di-sini pada hari Ahad lepas.

Gol2 kemenangan bagi mukim Muara itu telah di-jaringan oleh Awang Manan bin Mohammad dalam sa-paroh masa kedua.

Dengan kemenangan itu, mukim Muara telah berjaya merebut oskar pusingan yang di-hadiahkan

oleh Awang Hapidz Laksamana.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohammad telah merasmikan perlawanan itu dan juga menyampaikan hadiah2 di-akhir perlawanan.

Perlawanan itu ada-lah julung2 kali-nya di-adakan di-Daerah Brunei-Muara untuk meraikan hari puja usia kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan di-samping merapatkan lagi tali silaturahmi antara penduduk2 mukim di-daerah tersebut. Perlawanan itu di-jalankan sa-chara kalah mati.

**MENDERMA-LAH
KAPADA TABONG
PEMBINAAN
STADIUM**

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI-JABATAN PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikhtir di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PENOLONG PENGAJAR, FABRICATION AND WELDING:

Kelayakan2 Minima:

- Mesti-lah lulus peperiksaan City & Guilds Bahagian I dan II dalam Fabrication Engineering Craft Practice ATAU Welding Craft Practice ATAU mempunyai kelulusan yang sa-bandang yang di-iktiraf.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal sekurang2nya sa-lama 2 tahun sa-lepas memperoleh kelulusan.

2. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN DAN PENGGUNAAN MESEN:

Kelayakan2 Minima:

- Mesti-lah lulus peperiksaan City & Guilds Bahagian I dan II dalam Mechanical Engineering Craft Practice ATAU mempunyai kelulusan yang sa-bandang yang di-iktiraf.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal sekurang2nya sa-lama 2 tahun sa-lepas memperoleh kelulusan.

'Am:

Calon2 yang berjaya di-kehendaki mengajar teori dan praktikal kepada penuntut2 yang sedang belajar kursus2 City & Guilds siri 820. Keutamaan akan di-beri kepada calon2 yang boleh bertutur dan menulis Bahasa Melayu.

Umur sebaik2-nya lebih dari 25 tahun.

3. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN BATA:

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus peperiksaan City & Guilds Bil. 82 atau 608 atau mempunyai kelulusan yang sa-bandang yang di-iktiraf.

4. PENOLONG PENGAJAR, MENCHAT DAN MENGHIAS:

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus peperiksaan City & Guilds Bil. 85 atau 615 atau mempunyai kelulusan yang sa-bandang yang di-iktiraf.

5. PENOLONG PENGAJAR, PERTUKANGAN KAYU:

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus peperiksaan City & Guilds Bil. 80 atau 605 atau mempunyai kelulusan yang sa-bandang yang di-iktiraf.

'Am:

Semua calon2 mesti-lah mempunyai pengalaman industri dan mesti-lah sanggup membuat kerja2 projek dan juga mengajar teori dan praktikal.

6. PENOLONG PENGAJAR, KENDERAAN BERMOTOR:

7. PENOLONG PENGAJAR, PEMASANGAN LETRIK:

8. PENOLONG PENGAJAR, TALIKOM:

Kelayakan2 Minima:

Mesti-lah lulus Bahagian I dan II peperiksaan City & Guilds yang tertentu atau mempunyai kelulusan yang sa-bandang yang di-iktiraf.

'Am:

Semua calon2 mesti-lah mempunyai pengalaman industri. Calon2 yang berjaya di-kehendaki mengajar teori dan praktikal kepada penuntut2 yang sedang belajar kursus2 City & Guilds siri 820.

Keutamaan akan di-beri kepada calon2 yang boleh bertutur dan menulis Bahasa Melayu. Umur sebaik2-nya lebih dari 25 tahun walau bagaimana pun, mesti-lah lebih dari 21 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji T.7 — Brunei \$470x20-510-540x20-660-690x20 710-740x30-890. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Baksis:

Bagi sa-seorang calon yang dilantik sa-chara berkotrek baksis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Sharat2 Lantek:

Calon yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkotrek sa-lama 3 tahun termasuk masa percuti sa-lama 6 bulan. Kotrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi calon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh percuti.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb. Ogos, 1973.

Sa-bagai Pembantu Teknik Rendah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pembantu Teknik Rendah di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran.
- Mesti-lah mempunyai pengalaman sa-lama sekurang2nya satu tahun sa-bagai jurugemas atau mekanik.
- Keutamaan akan di-beri kepada calon2 yang mempunyai Sijil City and Guilds atau telah lulus sesuatu Ujian Pertukangan yang di-iktiraf.

Tugas2:

Untuk memberse, memelihara dan memperbaiki alat2 kelengkapan, membantu untuk menyediakan bahan2 untuk latihan2 penuntut dan membuat tugas2 lain menurut arahan Pengetua sekolah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB. 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman. Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb. Oktober, 1973.

Sa-bagai Posmen

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek sa-bagai Posmen di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus sekurang2nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-bandang dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang lulus dalam matapelajaran bahasa Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 EB. 5 — \$200x5-260/EB/270x10-290.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 14hb. Oktober, 1973.

Sa-bagai Pemandu Tingkatan Khas

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pemandu2 yang sedang berkhidmat dalam Perjawatan Tetap untuk jawatan Pemandu Tingkatan Khas di-Jabatan Pertanian, Brunei.

Calon2 yang hendak memohon jawatan ini mesti-lah menghantarkan permohonan2 mereka kepada Pegawai Perjawatan melalui Ketua2 Jabatan mereka dan mesti-lah sampai ka-Pejabat Perjawatan tidak lewat dari 20hb. Ogos, 1973. Ketua2 Jabatan sama-mena menghantarkan permohonan2 (yang mesti di-tulis dalam bentuk surat) mesti-lah menyerahkan tugas2 mereka sekarang dan kesesuaian mereka untuk di-naikkan pangkat. Satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap mesti-lah juga di-hantarkan bersama.

Sa-bagai Penghantar Saman

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penghantar Saman di-Pejabat Kadzi Daerah Tutong, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 dan 30 tahun.
- Mesti-lah lulus sekurang2nya Darjah VII Melayu.

Keutamaan akan di-beri kepada orang2 yang tinggal di-Daerah Tutong.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB.

3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 14hb. Oktober, 1973.

Pembayaran perkhidmatan penchen

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melalui Jabatan Penchen2 Negara telah membayar sa-jumlah \$129,550.00 untuk perkhidmatan kebajikan penchen seluruh negeri bagi bulan Julai yang lalu.

Menurut penyata pembayaran kasar yang di-keluarkan oleh Timbalan Pengawal Pen-

chen2 Negara menunjukkan sa-banyak \$124,462.50 di-bayar bagi penchen umur tua; \$4,362.50 di-bayar bagi penchen orang buta serta tanggungan mereka dan sa-jumlah \$725.00 di-bayar bagi alaan orang2 tanggungan pen-nyakit kusta dan gila.

Daerah Brunei-Muara adalah merupakan daerah yang terbanyak menerima pembayaran bagi penchen umur tua dengan jumlah \$69,287.50 berbanding dengan Daerah Belait sa-jumlah \$23,650.00; Daerah Tutong sa-jumlah \$25,100.00 dan Daerah Temburong sa-jumlah \$6,425.00.

Bagi pembayaran penchen orang2 buta serta tanggungan mereka, Daerah Brunei-Muara juga merupakan daerah yang paling banyak menerima pembayaran dengan jumlah pembayaran sa-banyak \$3,000.00 berbanding dengan Daerah Belait sa-banyak \$562.50; Daerah Tutong sa-banyak \$575.00 dan Daerah Temburong sa-banyak \$225.00.

Sa-banyak \$462.50 di-bayar untuk alaan orang2 tanggungan pen-nyakit kusta dan gila di-Daerah Brunei-Muara; \$200.00 bagi Daerah Belait dan \$62.50 bagi Daerah Tutong. Tiada ada pembayaran di-buat bagi Daerah Temburong dalam bahagian ini.

Membacha Quran

(Dari muka 3)

Dua untuk mewakili ka-peringkat Daerah Brunei-Muara juga akan di-adakan pada 17hb. Ogos mulai jam 2.00 petang bertempat di-Mesjid Jame, Kampong Sengkuring.

Mereka yang ingin menyertai pertandingan tersebut boleh-lah berhubung terus kepada Imam Bahar bin Abdul Karim, pengerusi pertandingan membacha Al-Quran peringkat dewasa kawasan Brunei Dua.

Kampong2 yang termasuk dalam kawasan Brunei Dua ia-lah Sengkuring, Kilanas, Tungku Gadong, Panchor Murai, Pengkalang Batu, Jerudong dan Kati Mahar.

Tarikh penutup pendaftaran memasoki peraduan tersebut ia-lah 12hb. Ogos.

17 ORANG DI-LANTEK MENJADI AHLI MAJLIS UGAMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah berkenan melantek sa-ramai 17 orang menjadi ahli2 Majlis Ugama untuk sa-lama dua tahun mulai dari 1hb. Jun, 1973.

Lantekan yang di-siarkan dalam Warta Kerajaan keluaran 28hb. Julai 1973 itu termasuk-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin yang bertindak sa-bagai Yang Di-Pertua.

Lain2 ahli dalam majlis itu ia-lah terdiri dari:

Y.T.B. Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama Haji Ibrahim; Y.T.M. Seri Paduka Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Abdul Rahman Piut; Yang Di-Muliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Hj. Umar; Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid; Y.A.M. Pengiran Setia Jaya Pengiran Hj. Abdul Momin bin Pengiran Othman.

Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Awg. Haji Mohd. Taha bin Pehin Ratna Diraja Awang Hussain; Y.B. Pehin Orang Kaya Laksamana Dato Laila Utama Awang Haji Abdul Rahman bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Mohd. Taha; Y.B. Begawan Khatib Dato Seri Utama Awang Haji Metali bin Mat Yassin.

Yang Di-Muliakan Pehin Si-Raja Khatib Awang Haji Abdul Hamid bin Pehin Setia Pahlawan Haji Mohd. Ja'afar; Yang Di-Muliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Mohammad.

Yang Mulia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal; Yang Mulia Awang Haji Abdul Rahman bin Mohammad; Yang Mulia Awang Yahya bin Haji Ibrahim; Yang Mulia Awang Abdul Saman bin Kahar dan Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Lantekan itu ada-lah menurut cherian (1) Bab 13 dari Undang2 Majlis Ugama dan Mahkamah Kadzi, 1955.

Kerajaan sentiasa memberi kemudahan kepada raayat

PUTAT. — Penulong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Jaya bin Abdul Latif menyeru penduduk2 Kampong Putat supaya sentiasa mengekalkan taat setia mereka yang tidak berbelah bagi kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Awang Jaya yang mewakili Pegawai Daerah Brunei-Muara berucap demikian ketika beliau merasmikan sambutan hari keputeraan yang ke-27 tahun kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang telah berlangsung di-Sekolah Melayu Putat pada hari Ahad lepas.

Di-samping mengucapkan shabas dan tahniah atas usaha2 mereka mengelolakan sambutan yang sa-demikian, antara lain Awang Jaya berkata kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sentiasa memberi kemudahan2 dalam ranchangan2 yang berkebakikan untuk raayat dan negara mengikut keadaan dan keperluan yang di-fikirkan bersesuaian.

Beliau menerangkan, sungguhpun Kampong Putat jauh dari bandar, kerajaan Duli Yang Maha Mulia sentiasa berusaha memberi pertolongan dalam kegiatan2 yang berfaedah dan berpatutan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk2 negeri ini.

Penulong Pegawai Daerah itu juga menyeru mereka supaya bersama2 memikul beban dan berusaha dalam mengekalkan ketenteraman, keamanan dan kesejahteraan negeri ini.

Juga turut memberi ucapan dalam majlis itu ia-lah Ketua Kampong Putat, Awang Haji Karim bin Othman dan pengerusi sambutan, Awang Mukhtal bin Sahat.

Achra2 dalam ranchangan sambutan perayaan tersebut antara lain ia-lah perlawanan gasing dan sukan pada sebelah petang dan sa-belah malam-nya pula di-adakan berapa acara persembahan termasuk peraduan bintang2 keputeraan dan lagu Brunei asli.



GAMBAR ATAS: Y.A.M. Pengiran Ratna Wangsa Pengiran Hj. Metussin bin Pengiran Abdul Rahman Piut sedang menyampaikan piala rebutan kepada Awang Saidin bin Haji Ibrahim yang telah di-pilih sa-bagai pemandu terbaik sa-telah beliau memenangi perlumbaan kereta 15 pusingan sa-jauh 26 batu.

Di-samping menerima piala rebutan itu, Awang Saidin juga telah memenangi tiket kapal terbang perchuma pergi dan balek ka-Singapura yang di-hadiahkan oleh Sharikat Penerbangan Singapura.

Perlumbaan itu di-anjorkan oleh Kelab Automobil Brunei sa-bagai salah satu acara sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. bagi Daerah Brunei-Muara dan telah di-adakan di-lapangan terbang Bera-kas yang lama.

Perlawanan bola sepak antara daerah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan bola sepak antara daerah kali yang kedua akan di-adakan dalam bulan ini.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan bagi Daerah Brunei-Muara dan di-kelolakan oleh Persatuan Bola Sepak Ama.or Brunei bagi mera'ikan hari keputeraan D.Y.M.M. yang ke-27 tahun.

Perlawanan yang di-jalankan dengan chara pukul keliling dua pusingan itu ia-lah bagi merebut oskar pusingan yang di-hadiahkan oleh orang2 yang menerima penchen di-seluruh negeri.

Perlawanan yang pertama antara pasokan Daerah Belait dengan Daerah Tutong akan di-adakan dipadang KBRC pada hari Rabu 15hb. Ogos ini.

Latehan tentera

PASOKAN Askar Melayu Diraja Brunei akan mengadakan latehan tentera di-kawasan Kuala Sungai Brunei sa-lama tiga hari mulai 14hb. Ogos ini. Dalam latehan itu, peluru2 kosong, bunga api dan lain2 letupan akan di-gunakan.

Orang ramai khas-nya penduduk2 di-kawasan itu jangan merasa cemas apabila mendengar letupan2 sa-masa latehan itu di-jalankan.

Seminar Belia

(Dari muka 1)

Kata-nya persatuan belia kebajikan yang ingin menghantar peserta2-nya boleh berhubung dengan Setia Usaha Seminar atau Pengerusi untuk meminta butir2 lanjut.

Beberapa buah kertas kerja yang di-tulis oleh Awang Ahmad bin Haji Jumat, Awang Selamat bin Munap, Awang Abdul Rahman bin Dato Paduka Taib, Awang Abdul Razak bin Muhammad, Awang Abdul Rahman bin Hj. Karim dan Awg. Hj. Abdul Aziz bin Juned akan di-bincangkan dalam seminar itu.

Tiga tajok besar akan di-bincangkan oleh peserta ia-itu Belia dan Kebudayaan; Belia dan Ekonomi dan Belia dan Pembangunan Masharakat.

Upacara penutup majlis itu akan di-lakukan pada Ahad, 19hb. Ogos dengan penyampaian rumusan2 seminar yang akan di-sampaikan kepada kerajaan Duli Yang Maha Mulia. Ada-lah di-jenakakan Pemangku Menteri Resar. Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin akan menerima rumusan itu.

Upacara penutup itu akan diikuti dengan persembahan Malam Budaya yang akan di-adakan bagi merayakan tamat-nya seminar itu.

BOLA SEPAK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 60 orang pemain2 bola sepak telah di-pilih untuk latehan bagi persediaan perlawanan bola sepak persahabatan antara Brunei/Hongkong.

Pasokan2 tersebut di-bawah ini di-kehendaki hadir ka-padang Besar BSB jam 4.30 petang hari ini dan melaporkan diri kepada Che'gu Mohamed Ismail.

Pasokan Pulis 8 orang, Sultan Lama 4 orang, Ikrab 3 orang, Sungai Kedayan 6 orang, Belia Sumbiling 7 orang, Pelajaran 5 orang, AMDB 5 orang, Perkasa 3 orang, IBB 5 orang, Belait 5 orang sementara Kewangan dan Kujaga masing2 menghantar wakil sa-orang.



Penulong Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Jaya (di-tengah2) bergambar dengan ahli2 jawatankuasa sambutan perayaan hari keputeraan D.Y.M.M. di-Kg. Putat.